

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 November 2015

Termasuk penubuhan Universiti Xiamen Kampus Malaysia

Malaysia-China komited jalin kerjasama

um - 24/11/2015

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 NOV.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan bahawa Malaysia memiliki komitmen tinggi untuk mengukuhkan lagi hubungan dengan China dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, walaupun kedua-dua negara sudah mempunyai hubungan baik dalam bidang ekonomi dan perdagangan, namun perkongsian dalam sejarah, budaya, linguistik serta jaringan makanan tidak boleh diketepikan.

"Sebagai contoh hubungan sesama rakyat daripada kedua-dua negara terutama dalam kalangan golongan belia dengan tertubuhnya Universiti Xiamen Kampus Malaysia (XMUMC) di Salak Tinggi, Sepang.

"Ini adalah kampus luar negara pertama milik universiti dari China yang diluluskan oleh kerajaan China. Kerjasama ini akan menyumbang kepada penghasilan tenaga kerja mahir dari kedua-dua negara," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam Forum Ekonomi Peringkat Tinggi Malaysia-China di sini hari ini yang turut dihadiri Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Menurut Perdana Menteri, seksyen pertama daripada fasa pertama kampus itu telah siap dibina dan akan menerima kemasukan kumpulan pelajar pertama pada Februari tahun depan.

Seksyen itu, katanya, mampu menampung 500 orang pelajar dengan kapasiti untuk fasa pertama berjumlah 5,000 pelajar.

"Hubungan pendidikan melibat-



NAJIB TUN RAZAK bersama Li Keqiang menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Malaysia dan China mengenai Bantuan Perundangan Bersama Dalam Hal Ehwal Jenayah yang dilakukan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan rakan sejawatannya dari China, Wang Yi (kiri) di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

kan generasi muda ini adalah petanda kepada hubungan yang lebih erat antara kedua-dua negara," katanya.

XMUMC yang bemiiai kira-kira RM1.3 bilion dibina atas tapak seluas 60 hektar terdiri dari lima ban-

gunan akademik, enam bangunan kediaman pelajar, pusat aktiviti, kemudahan sukan dan kafetaria.